

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING]

TARIKH : 12.06.2014 (KHAMIS)

TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah permintaan tahunan gula di Malaysia untuk tahun 2010 hingga 2014.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Permintaan gula bagi setiap tahun sejak tahun 2010 ialah seperti berikut:

- i) 2010 – 1.77 juta tan metrik;
- ii) 2011 – 1.71 juta tan metrik;
- iii) 2012 – 1.64 juta tan metrik;
- iv) 2013 – 1.70 juta tan metrik; dan
- v) 2014 – 0.45 juta tan metrik (sehingga April 2014).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP [SEKIJANG]

TARIKH : 12 JUN 2014 (KHAMIS)

SOALAN : 150

Tuan Anuar bin Abd. Manap minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

- (a) apakah statistik kemalangan yang melibatkan bas sama ada bas persiaran atau bas ekspres sejak 2010 - 2014 yang melibatkan kematian dan cedera parah; dan
- (b) apakah Kerajaan bercadang mengkaji penggunaan bas 2 tingkat untuk laluan yang berisiko.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Statistik kemalangan jalan raya yang melibatkan bas (bas ekspres, bas henti-henti, bas kilang, bas mini dan bas sekolah) mengikut bilangan kematian dan kecederaan dari tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti berikut:

| KEMALANGAN | JENIS/ TAHUN | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | JAN - MAC 2014 |
|-----------------------------|--------------------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------------------------|
| Jenis Kecederaan | Mati | 77 | 29 | 32 | 60 | 10 |
| | Cedera Parah | 86 | 56 | 36 | 30 | 8 |
| | Cedera Ringan | 101 | 140 | 146 | 86 | 22 |
| JUMLAH | | 264 | 225 | 214 | 176 | 40 |

Tuan Yang di-Pertua,

- b) Kerajaan sememangnya bercadang untuk mengkaji penggunaan bas dua tingkat di laluan-laluan berisiko yang telah dikenalpasti sepertimana yang dicadangkan oleh Panel Penasihat Bebas bagi kemalangan bas di Genting Highlands. Kajian ini adalah melibatkan pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) selaku agensi yang mengawal selia lesen pengendali pengangkutan awam dengan melibatkan agensi-agensi yang mempunyai kepakaran dalam bidang teknikal kenderaan seperti JPJ dan MIROS.

Kajian secara mendalam yang berasaskan bukti saintifik ini penting dalam memastikan aspek keselamatan jalan raya diutamakan selain mengambilkira implikasi yang akan ditanggung oleh pengusaha bas.

Namun, sebagai langkah bagi menangani isu kemalangan bas di laluan-laluan yang berisiko tinggi seperti di kawasan tanah tinggi, Kerajaan melalui SPAD telah mengeluarkan 'Pekeliling Pelaksanaan Kod Amalan Industri : Keselamatan Untuk Pengendali Bas Bagi Operasi di Kawasan Tanah Tinggi'. Antara keperluan yang terkandung di dalam Pekeliling tersebut adalah mewajibkan pemasangan *Global Positioning Satellite System (GPS)*, *Anti-lock Braking System (ABS)*, kamera CCTV di ruang *dashboard* atau ruang yang bersesuaian, sistem keselamatan brek seperti *Engine Retarder/ exhaust brake* dan pematuhan peraturan *United Nations Economic Commission for Europe (UNECE)* iaitu Peraturan 66 (keselamatan *Superstructure* kenderaan) dan Peraturan 80 (bagi pemasangan tali pinggang keledar untuk semua kerusi penumpang).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]**

**TARIKH JAWAPAN : 12 JUN 2014 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN : NO. 151

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah tiada langkah lain untuk menyelamatkan Tenaga Nasional Berhad selain dari menaikkan tarif elektrik yang membebani pengguna.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Semakan tarif yang telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2014 sebahagian besarnya adalah disebabkan semakan semula harga bahan api iaitu gas domestik daripada RM13.70/MMBtu kepada RM15.20/MMBtu, harga arang batu daripada USD85/tan kepada USD87.5/tan serta penggunaan gas asli cecair (LNG) yang diimport pada harga pasaran iaitu RM41.68/MMBtu. Komponen bahan api ini telah menyumbang kepada kenaikan tarif sebanyak 4.09 sen/kWj atau 82.0% daripada kenaikan tarif keseluruhan sebanyak 4.99sen/kWj. Sebarang perubahan harga bahan api ini sudah tentu akan memberi kesan yang signifikan kepada kos membekalkan elektrik.

2. Komponen lain yang terlibat dalam kenaikan tarif ialah semakan tarif asas TNB iaitu sebanyak 8% atau 0.90sen/kWj daripada kenaikan tarif keseluruhan. Semakan tarif asas ini disemak setiap 4 tahun bagi memastikan pihak utiliti memperolehi pulangan yang munasabah agar dapat terus membekalkan elektrik yang berkualiti dan berdaya harap.

3. Tidak dinafikan bahawa pihak TNB memperolehi keuntungan bersih bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Ogos 2013 sebanyak RM 4.58 bilion. Namun begitu, jumlah tersebut masih belum mencukupi untuk menampung kos pelaburan bagi membiayai projek-projek penjanaaan yang baru serta projek-projek penghantaran dan pengagihan yang dianggarkan sekitar RM 6 - 7 bilion.

4. Pada masa ini, salah satu cara untuk mengurangkan kos pembekalan elektrik yang seterusnya akan mengurangkan kadar kenaikan tarif elektrik adalah melalui meningkatkan prestasi kecekapan operasi TNB tanpa menjejaskan sistem daya harap pembekalan elektrik di Semenanjung Malaysia. Di antara langkah-langkah yang sedang dan telah dilaksanakan ialah:

- a) Pembasmian kes-kes kecurian elektrik supaya kehilangan tenaga dalam sistem pembekalan elektrik dapat diminimumkan;
- b) Pemasangan sistem SCADA (*Supervisory Control and Data Acquisition*), dengan izin dengan lebih meluas di seluruh negara untuk membolehkan operasi sistem pembekalan dijalankan dengan lebih efisien dan berkesan;

- c) Pelaksanaan pelan menyeluruh bagi senggaraan yang cekap dan berkesan ke atas sistem pembekalan elektrik; dan
- d) Pelaksanaan program rombakrawat (*refurbishment*) loji-loji janakuasa yang telah lama beroperasi bagi meningkatkan kecekapan dalam menjana tenaga elektrik.

5. Selain daripada itu, pada masa ini, pihak Kementerian juga sedang mengkaji cadangan untuk menggunakan penjimatan daripada rundingan semula Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) bagi Penjana Tenaga Bebas (IPP) Generasi Pertama yang melibatkan amaun sebanyak RM1.57 billion bagi tempoh kutipan Mac 2013 hingga Jun 2017 bagi menampung kenaikan tarif elektrik pada masa akan datang. Sementara itu, penentuan dan semakan kadar tarif elektrik pada masa akan datang akan menggalakkan peningkatan kecekapan tanpa menjejaskan pencapaian sasaran operasi berasaskan rangka kerja kawal selia tarif berinsentif (*Incentive-Based Regulation*).

6. Pengguna harus memahami bahawa di bawah penstrukturan semula industri bekalan elektrik di negara ini, pengguna perlu membayar kos sebenar ke atas perkhidmatan yang diberikan. Dalam konteks ini, pengguna perlu mengambil langkah-langkah menjimatkan

penggunaan elektrik bagi mengurangkan beban yang mereka perlu tanggung berikutan peningkatan kos membekalkan elektrik.
